

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-18 TAHUN 2001

DO

414

Dalam perkara satu permohonan oleh  
Hishamuddin bin Rais untuk arahan  
dalam hal Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2), 5(3) dan  
149 Perlembagaan Persekutuan

DAN

Di dalam perkara seksyen 73 Akta  
Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Akta  
82)

DAN

Di dalam perkara seksyen 365(1) Kanun  
Prosedur Jenayah [FMS Cap 6]

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON

DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN

## AFIDAVIT JAWAPAN

415

Saya, Tan Sri Norian bin Mai, Nombor Polis G/5189, seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di No.19 Jalan Terusan, Seksyen 8/26, 84000 Shah Alam, Selangor dengan sesungguhnya berikrar dan menyatakan seperti berikut :-

1. Saya adalah Ketua Polis Negara bertugas di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur.
2. Saya berhak membuat afidavit ini dan mempunyai pengetahuan berkenaan fakta-fakta dan keadaan-keadaan berhubung dengan perkara ini kecuali di mana dinyatakan sebaliknya.
3. Saya merujuk kepada afidavit Jalaluddin Bin Ab Manaf yang diikrarkan pada 12/4/01 (kemudian ini dirujuk sebagai "Afidavit Jalaluddin") berkaitan dengan tahanan bernama Hishamuddin Bin Rais (kemudian ini dirujuk sebagai "Pemohon") dan mengatakan bahawa daripada maklumat yang diterima berhubung dengan kegiatan Pemohon, saya mempunyai sebab-sebab untuk mempercayai bahawa terdapat alasan-alasan yang boleh mewajarkan Pemohon ditahan di bawah Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 kerana Pemohon telah bertindak dengan cara yang boleh memudaratkan keselamatan Malaysia.
4. Saya merujuk kepada perenggan 10 Afidavit Jalaluddin dan saya menyatakan bahawa perkara-perkara yang dinyatakan di perenggan itu tidak merujuk secara khusus terhadap tahanan Pemohon dan merupakan *dengar cakap (hearsay)*.
5. Saya mengesahkan bahawa saya telah membuat kenyataan

akhbar mengenai penangkapan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 berkaitan dengan tangkapan Pemohon dan enam orang yang lain pada 11/4/2001. Kenyataan akhbar saya adalah seperti dilampirkan di dalam Afidavit Jalaluddin dan ditanda sebagai ekshibit "JAM -2".

6. Saya merujuk kepada perenggan 12 Afidavit Jalaluddin dan saya menyatakan bahawa kegiatan-kegiatan yang dimaksudkan itu tidak merujuk secara khusus kepada Pemohon tetapi merujuk kepada "Gerakan Reformasi" yang mana Pemohon adalah seorang ahli aktivis gerakan berkenaan.
7. Saya menafikan segala dakwaan-dakwaan yang terkandung di dalam perenggan 13 Afidavit Jalaluddin dan menyatakan bahawa penangkapan Pemohon bukan berniat *mala fide* yang bermotif politik tetapi adalah berkaitan dengan kegiatan Pemohon yang boleh menggugat keselamatan negara.
8. Dakwaan-dakwaan yang terkandung di dalam perenggan 14 Afidavit Jalaluddin adalah tidak benar dan dinafikan. Saya dengan sesungguhnya mempercayai bahawa perkara-perkara yang didakwakan olehnya adalah di luar pengetahuannya dan selanjutnya saya mengulangi apa yang saya telah katakan di dalam perenggan 6 kenyataan akhbar saya yang bertarikh 11/4/01.
9. Saya mengambil maklum tentang perenggan 15 Afidavit Jalaluddin dan menyatakan bahawa penangkapan Pemohon adalah di bawah undang-undang pencegahan di mana pihak polis diberi kuasa untuk mengambil tindakan.
10. Semua pengataan-pengataan di dalam Perenggan 16 adalah

dinafikan dan saya dengan sesungguhnya mempercayai bahawa 117 tangkapan dan penahanan Pemohon adalah sah kerana telah dibuat menurut peruntukan undang-undang. Oleh yang demikian saya memohon supaya permohonan Pemohon ditolak.

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR**  
**PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-18 TAHUN 2001**

Dalam perkara satu permohonan oleh Hishamuddin bin Rais untuk arahan dalam hal Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2), 5(3) dan 149 Perlembagaan Persekutuan

DAN

Di dalam perkara seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Akta 82)

DAN

Di dalam perkara seksyen 365(1) Kanun Prosedur Jenayah [FMS Cap 6]

**ANTARA**

**HISHAMUDDIN BIN RAIS**

**PEMOHON**

DAN

418

KETUA POLIS NEGARA



RESPONDEN

JURAT

Berkenaan dengan affidavit oleh )  
Deponen bernama **TAN SRI NORIAN BIN MAI** )  
Diikrarkan pada 15 haribulan April 2001 )  
di Putrajaya, Wilayah Persekutuan )



Di hadapan



Affidavit Tan Sri Norian bin Mai yang diikrar pada 15/4/01 dan difailkan pada 16/4/01 oleh Peguam Kanan Persekutuan untuk dan bagi pihak Responden beralamat di Jabatan Peguam Negara, Aras 1-8, Blok C3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.